

kakitangan UUM agar sentiasa positif mengemukakan idea baru, pengamatan atau pandangan yang mampu membantu universiti dan jabatan.

"Idea ini boleh dikemukakan kepada ketua-ketua jabatan. Manakala ketua jabatan pula hendaklah memberi ganjaran kepada individu atau kumpulan tersebut di samping memaklumkan kepada pihak atasan universiti supaya kita boleh memberi ganjaran kepada mereka. Tidak kiralah walau sekecil mana idea itu, asalkan difikirkan mampu meningkatkan produktiviti dan penjimatan di kampus ini.

Saya berpendapat adalah lebih baik untuk kita meningkatkan pendapatan dengan cara mengurangkan kos. Seperti yang telah kita lakukan dengan menukar jadual waktu kuliah iaitu tidak lagi mengadakan kelas-kelas malam serta kelas pada musim cuti, kesannya kita dapat menjimatkan kos hampir RM500,000. Malah, jumlah ini tidak termasuk kos untuk membayar tenaga kerja lebih masa dan kos penggunaan hawa dingin.

Justeru menurutnya lagi, sekiranya UUM mampu mencari idea-idea baru yang kreatif seperti ini, pastinya lebih banyak penjimatan yang diperolehi, kerana UUM bercadang untuk memberi pulangan atas setiap apa yang kita janakan seperti meningkatkan kebajikan kakitangan".

Pada tahun 2010, UUM telah memperuntukkan RM177,350 bagi perbelajaan kebajikan kakitangan termasuk kematian, ibu bapa dan suami isteri kakitangan, anak pertama, kemalangan, musibah, persekolahan anak-anak dan sebagainya.

Untuk itu, Mustafa menyeru agar semua kakitangan memikirkan perkara ini dengan serius kerana setiap perancangan universiti tidak akan berjaya tanpa sambutan baik dari kakitangan UUM.

Malah beliau merayu semua kakitangan UUM untuk memberikan komitmen yang tinggi dalam setiap tugas yang diamanahkan dengan penuh semangat serta meninggalkan segala hasad dengki, mengurangkan pergaduhan sesama sendiri, sebaliknya membina tali persaudaraan antara kakitangan dengan baik.

Beliau berkata demikian ketika Perhimpunan Bulanan Staf (Kumpulan Pentadbiran dan Sokongan) 2011 baru-baru ini.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my